



19 SEP, 2023

Projek WtE tarik pelaburan RM15b

Kosmo, Malaysia



Projek WtE tarik pelaburan RM15b

**PETALING JAYA** – Citaglobal Bhd. (Citaglobal) dan konglomerat China yang terbabit dalam rawatan sisa pepejal bandar, Shanghai SUS Environment Co. Ltd. (SUS), menandatangani memorandum persefahaman (MoU) untuk pembangunan bersama projek sisa kepada tenaga (WtE) di negara ini yang bakal menarik pelaburan RM15 bilion.

MoU itu ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif SUS, Cindy Li Haiyan dan Pengerusi Eksekutif dan Presiden Citaglobal, Tan Sri Mohamad Norza Zakaria semasa Ekspo China-ASEAN ke-20 serta Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan China-ASEAN di Nanning, China baru-baru ini.

Ia meneroka potensi kerjasama dan menilai kebolehsanaaan membangunkan loji janakuasa WtE terutamanya di Malaysia untuk mengalihkan semua sisa dari tapak pelupusan sampah yang tidak mampan ke loji WtE, seterusnya menyelesaikan masalah pelupusan sisa secara holistik.

Citaglobal akan memainkan peranan utama dalam pembangunan projek WtE yang dicadangkan di Malaysia, manakala SUS bertanggungjawab membiayai, membina dan mengendalikannya.

Li Haiyan berkata, pihaknya berbesar hati dapat bekerjasama dengan syarikat kukuh seperti Citaglobal untuk meneraju pelaburan SUS dalam pasaran WtE Malaysia.

“Di Malaysia, sebanyak 38,000 tan sisa pepejal dikumpul setiap hari dan dibuang di tapak pelupusan sampah yang menggunakan kawasan seluas 150 ekar (60.7 hektar) tanah setiap tahun.



MOHAMAD NORZA (tiga dari kanan) bersama Li Haiyan (tiga dari kiri) menunjukkan dokumen MoU yang ditandatangani sambil disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Nanning, China baru-baru ini.

“Kerajaan Malaysia telah menyedari keperluan mendesak ini dan merancang untuk membina satu fasiliti WtE di setiap negeri.

“SUS bersama rakan kongsi kami, Hitachi Zosen Corp telah berjaya melaksanakan 1,400 loji WtE di seluruh dunia dan kami ingin membuat pelaburan langsung asing RM15 bilion ke dalam ekonomi Malaysia untuk tujuan ini,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sementara itu, Norza berkata, selain melengkapi sumber tenaga berasaskan bahan api fosil, sistem WtE mampu menjana tenaga boleh diperbaharui, mengurangkan keperluan tapak pelupusan dan menjana pendapatan untuk majlis perbandaran serta kerajaan tempatan.

Kerajaan dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR) pada Julai lalu menyasarkan campuran kapasiti tenaga boleh diperbaharui sebanyak 40 peratus pada 2035 dan 70 peratus menjelang 2050.